



NEGERI BRUNEI

E 3 TAHUN 1975

UNDANG2 SHARIKAT KERJASAMA, 1975

Beta bersetuju



HASSANAL BOLKIAH  
*Sultan.*

*Satu Undang2 untok mengadakan sharat2 bagi penubohan Sharikat2 Kerjasama.*

[ ]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri saperti berikut :—



## BAHAGIAN I

## Pendahuluan

- Gelaran Pendek dan Permulaan.** 1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Sharikat Kerjasama, 1975 dan akan berjalan kuatkuasa-nya pada tarikh yang Mentri Besar boleh menetapkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.
- Tafsiran.** 2. Dalam Undang2 ini, kechuali jika maksudnya berkehendakkan ma'ana yang lain —
- “Bonos” berma'ana sabahagian dari keuntongan sharikat yang terdaftar di-bahagi antara ahli2-nya seimbang dengan banyak-nya perniagaan mereka dengan sharikat daripada mana keuntongan sharikat itu telah di-dapati;
- “Tambahan Peratoran” berma'ana tambahan peratoran yang terdaftar yang dibuat oleh sa-buah sharikat bagi menjalankan sebarang kuasa yang di-berikan oleh Undang2 ini, dan termasuklah pindaan tambahan peratoran yang terdaftar;
- “Jawatankuasa” berma'ana badan pentadbir bagi sa-buah sharikat yang terdaftar kepada siapa pengurusan-nya di-amanahkan;
- “Dividen” berma'ana sabahagian dari keuntongan sharikat yang terdaftar di-bahagi antara ahli2-nya seimbang dengan banyak-nya modal saham yang dipegang oleh mereka;
- “Ahli” termasuklah sa-seorang atau sharikat yang terdaftar yang masok dalam permohonan bagi pendaftaran sabuah sharikat, dan sa-seorang atau sharikat yang terdaftar yang di-terima menjadi ahli selepas pendaftaran menurut tambahan peratoran;



“Pegawai” termasuk-lah pengerusi, setia-usaha, penyimpan amanah, ahli jawatankuasa, atau lain2 orang yang di-beri kuasa di-bawah peratoran2 atau tambahan peratoran ini untok memberi arahan2 berkenaan dengan perniagaan sharikat yang terdaftar;

“Sharikat Yang Terdaftar” berma’ana sebuah sharikat kerjasama yang terdaftar di-bawah Undang2 ini;

“Pendaftar” berma’ana Pendaftar Sharikat2 kerjasama yang di-lantek di-bawah Bab 3 dari Undang2 ini dan termasuk-lah sebarang orang apabila menjalankan kuasa2 Pendaftar seperti yang di-berikan kepada-nya di-bawah bab itu;

“Peratoran2” berma’ana peratoran2 yang dibuat di-bawah Undang2 ini.

## BAHAGIAN II

### Pendaftaran

**Perlantikan Pendaftar dan Penolong Pendaftar2.**

3. (1) Sultan hendak-lah melantek saorang yang layak dan sesuai sebagai Pendaftar Sharikat2 Kerjasama bagi Brunei dan boleh melantek orang2 untok menolong Pendaftar tersebut, dan boleh dengan perintah khas atau ‘am yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*, memberikan kepada sebarang orang2 yang tersebut semua atau sebarang dari kuasa2 Pendaftar di-bawah Undang2 ini.

(2) Sebarang tindakan atau perkara yang diarahkan untok di-lakukan oleh atau kepada Pendaftar boleh di-lakukan atau kepada sebarang pegawai yang di-beri kuasa oleh Menteri Besar.

**Sharikat2 yang boleh di-daftarkan.**

4. (1) Terta’alok kepada syarat yang terkandung terkemudian dari ini, sebuah sharikat yang mempunyai tujuan untok memajukan kepentingan ekonomi bagi ahli2-nya menurut prinsip2 kerjasama, atau sebuah sharikat yang di-tubuhkan dengan tujuan untok memudahkan perjalanan sharikat yang demikian, boleh di-daftarkan di-bawah Undang2 ini



dengan tanggungan berhad atau tidak berhad seperti yang di-tetapkan oleh Pendaftar:

Sharat-nya bahawa tanggungan bagi sharikat yang mengandongi sekurang2-nya sebuah sharikat yang terdaftar antara ahli2-nya hendak-lah berhad.

**Sharat2 bagi Pendaftaran.**

5. (1) Tiada sharikat, selain dari sebuah sharikat yang mana satu ahli-nya ada-lah sebuah sharikat yang terdaftar, akan di-daftarkan di-bawah Undang2 ini, yang tidak mengandongi sekurang2-nya 10 orang, tiap2 saorang dari mereka ada-lah layak menjadi ahli di-bawah Bab 21 dari Undang2 ini.

(2) Perkataan "Kerjasama" atau bahasa tempatan yang sama ma'ana-nya hendak-lah menjadi sabahagian dari nama bagi tiap2 sharikat yang di-daftarkan di-bawah Undang2 ini.

(3) Perkataan "berhad" atau bahasa tempatan yang sama ma'ana-nya hendak-lah menjadi perkataan terakhir dalam nama tiap2 sharikat dengan tanggungan berhad yang di-daftarkan di-bawah Undang2 ini.

(4) Bagi maksud2 bab ini apabila timbul sebarang soalan mengenai umur, tempat kediaman, atau mendiami tanah yang menjadi syarat kelayakan sebarang orang, soalan itu hendak-lah di-putuskan oleh Pendaftar yang mana keputusan-nya ada-lah mu'tamat.

**Permohonan untuk pendaftaran.**

6. (1) Bagi maksud2 pendaftaran permohonan hendak-lah di-buat kepada Pendaftar.

(2) Permohonan itu hendak-lah di-tandatangani :—

(a) dalam perkara sharikat yang tidak mengandongi sharikat yang terdaftar sebagai ahli, oleh sekurang2-nya 10 orang yang berkelayakan menurut kehendak2 Bab 5 (1) dan

(b) dalam perkara sharikat yang mengandongi sharikat yang terdaftar sebagai ahli, oleh saorang yang berkuasa bagi pihak tiap2 sharikat yang terdaftar itu, dan oleh 10 orang ahli2 lain, atau, jika



ahli2 lain, itu kurang dari 10 orang oleh kesemua-nya.

(3) Permohonan itu hendak-lah di-sertai dengan salinan2 dari tambahan peratoran yang di-chadangkan bagi sharikat itu, dan orang2 yang membuat permohonan tersebut atau bagi pehak-nya, hendak-lah memberikan maklumat berkenaan dengan sharikat itu saperti yang boleh di-kehendaki oleh Pendaftar.

**Pendaftaran.**

7. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa sebuah sharikat telah mematohi syarat2 dari Undang2 ini dan peratoran2-nya, ia boleh, jika di-fikir-nya patut, mendaftarkan sharikat itu dan tambahan peratoran-nya. Rayuan hendak-lah di-hadapkan kepada Menteri Besar tentang ke-enggan Pendaftar mendaftarkan sebarang sharikat dalam tempoh satu bulan dari tarikh ke-enggan tersebut.

(2) Waktu memohon pendaftaran sharikat hendak-lah membayar bayaran2 saperti yang ditetapkan oleh peratoran2.

**Sharikat2 menjadi perbadanan.**

8. Pendaftaran sebuah sharikat akan menjadikannya sebuah perbadanan dengan nama yang didaftarkan, turun temurun dan mempunyai meteri dan berkuasa memileki harta bergerak dan tetap, membuat kontrek, memulakan dan menentang pembicharaan dan lain2 pembicharaan perundangan, dan membuat segala perkara yang perlu untuk maksud2 perlembagaan-nya.

**Bukti Pendaftaran.**

9. Sijil pendaftaran yang di-tandatanganinya oleh pendaftar akan menjadi bukti yang nyata bahawa sharikat2 yang tersebut di-dalam-nya ada-lah terdaftar, kechuali terbukti bahawa pendaftaran sharikat itu telah di-batalkan.

### BAHAGIAN III

#### Tanggungan2 dan Hak2 Sharikat

**Pindaan Tambahan Peratoran bagi Sharikat yang terdaftar.**

10. (1) Sebarang sharikat yang terdaftar boleh, tertaklok kepada Undang2 dan peratoran2-nya, meminda tambahan peratoran-nya, termasuklah



tambahan peratoran yang menyatakan nama sharikat itu.

(2) Pindaan tambahan peratoran sharikat yang terdaftar tidak akan sah sehingga pindaan itu telah di-daftarkan di-bawah Undang2 ini untok maksud yang mana salinan2 dari pindaan itu hendak-lah di-hadapkan kapada Pendaftar.

(3) Jika pendaftar puas hati bahawa sebarang pindaan tambahan peratoran itu tidak bertentangan dengan Undang2 ini atau peratoran2-nya, ia boleh, jika di-fikir-nya patut, mendaftarkan pindaan itu. Rayuan hendak-lah di-hadapkan kapada Mentri Besar tentang ke-enggan Pendaftar mendaftarkan sebarang pindaan tambahan peratoran dalam tempoh satu bulan dari tarikh ke-enggan tersebut.

(4) Pindaan yang menukar nama sharikat tidak akan menyentoh sebarang hak atau tanggungan sharikat itu atau sebarang ahli2-nya atau ahli2 yang terdahulu, dan sebarang pembicharaan2 perundangan yang belum selesai boleh di-teruskan oleh atau terhadap sharikat itu dengan nama-nya yang baharu.

(5) Apabila Pendaftar mendaftarkan suatu pindaan tambahan peratoran sharikat yang terdaftar, ia hendak-lah mengeluarkan satu salinan dari pindaan yang telah di-sahkan oleh-nya, yang menjadi keterangan mu'tamad bagi kenyataan bahawa pindaan tersebut telah di-daftarkan dengan sempurna-nya.

(6) Dalam bab ini, "pindaan" termasuk-lah membuat tambahan peratoran baharu dan perubahan atau pemansokhan tambahan peratoran.

**Alamat Sharikat.** 11. Tiap2 sharikat yang terdaftar hendak-lah mempunyai alamat yang di-daftarkan menurut peratoran2 di-mana semua notis2 dan surat2 perhubungan boleh di-kirimkan dan hendak-lah menghantar kapada Pendaftar notis bagi tiap2 pertukaran alamat itu.

**Salinan dari Undang2, Peratoran2, Tambahan peratoran, dsb., terbuka untok pemereksaan,** 12. Tiap2 sharikat yang terdaftar hendak-lah menyimpan satu salinan dari Undang2 ini dan peratoran2-nya dan tambahan peratoran-nya dan satu senarai ahli2-nya terbuka untok pemereksaan,



dengan perchuma, pada sa-tiap masa yang munasabah di-alamat sharikat yang di-daftarkan.

Penjualan hasil pengeluaran kepada atau menerusi sharikat yang berdaftar.

13. (1) Sabuah sharikat yang terdaftar yang mempunyai satu daripada tujuan2-nya untuk menjual sebarang benda yang di-keluarkan atau di-dapati dengan kerja atau perusahaan ahli2-nya, sama ada hasil pertanian, ternak binatang, perhutanan, perikanan, pertukangan tangan atau sebak-nya, boleh mempersyaratkan dalam tambahan peratoran-nya atau boleh sebak-nya membuat kontrek dengan ahli2-nya:—

- (a) bahawa tiap2 ahli tersebut yang mengeluarkan sebarang benda yang demikian hendak-lah menjual kesemua-nya atau sebarang jumlah yang tertentu, sa-bahagian atau jenis-nya kepada atau menerusi sharikat itu; dan
- (b) bahawa sebarang ahli yang terbokti atau di-hukum, saperti yang di-tetapkankan oleh peratoran, bersalah kerana melanggar tambahan peratoran atau kontrek hendak-lah membayar kepada sharikat sebagai ganti rugi yang ditentukan atau di-nilai saperti yang di-tetapkankan oleh peratoran2 yang tersebut di-atas atau tambahan peratoran-nya.

(2) Kontrek yang di-buat di-bawah syarat dari bab ini tidak akan di-bicharakan dalam sebarang mahkamah hanya atas alasan bahawa ia-nya merupakan kontrek yang menghalang perniagaan.

Mewujudkan Chagaran untuk kemudahan sharikat2 yang berdaftar.

14. Tertaklok kepada sebarang tuntutan yang terdahulu dari Kerajaan atas harta si-berhutang, hak memegang atau tuntutan dari tuan punya tanah berkenaan dengan sewa atau sebarang wang yang boleh di-tuntut sebagai sewa dan dalam perkara harta tetap kepada sebarang chagaran di-atas-nya yang terdahulu dan terdaftar :—

- (a) Sebarang hutang atau tuntutan yang belum jelas dan patut di-bayar kepada sharikat yang terdaftar hendak-lah menjadi chagaran pertama atas segala hasil tanaman atau hasil pertanian yang lain, kayu kayan yang telah di-



tebang atau hasil hutan yang lain, hasil laut, ikan (ayer tawar dan ayer masin), binatang ternak, makanan ternak, perkakas pertanian, perusahaan dan perikanan, kilang, mesen, perahu<sup>2</sup>, jaring serta perkakas-nya, bahan<sup>2</sup> mentah, barang perdagangan dan 'am-nya segala hasil kerja dan barang<sup>2</sup> yang di-gunakan berkaitan dengan pengeluaran yang di-pelihara, di-beli atau di-keluarkan kesemua-nya atau sebahagian-nya dari sebarang pinjaman sama ada dengan wang atau benda<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sharikat itu:

Sharat-nya bahawa tiada sesuatu yang terkandung di-dalam ini akan menyentoh tuntutan dari sebarang pembeli atau penerima pindahmilk yang jujur dengan tidak memberi notis;

- (b) Sebarang tuntutan yang belum jelas atau pembayaran yang patut di-bayar kepada sharikat perumahan yang terdaftar oleh sebarang ahli atau ahli yang telah berhenti berkenaan dengan sewa, saham<sup>2</sup>, pinjaman<sup>2</sup> atau wang pembeli atau sebarang hak<sup>2</sup> lain atau jumlah yang patut di-bayar kepada sharikat tersebut hendak-lah menjadi chagaran pertama atas hak-nya pada harta tetap sharikat itu.

**Chagaran dan potongan berkenaan dengan saham<sup>2</sup> atau hak<sup>2</sup> ahli.**

15. Sabuah sharikat yang terdaftar akan mempunyai chagaran atas saham<sup>2</sup> atau hak dalam modal dan wang pertarohan ahli atau ahli yang telah berhenti atau ahli yang mati dan atas sebarang dividen, bonos atau keuntongan yang patut di-bayar kepada ahli atau ahli yang berhenti atau kepada harta pusaka ahli yang mati mengenai dengan sebarang hutang yang patut di-bayar kepada sharikat itu oleh ahli atau ahli yang berhenti atau harta pusaka yang demikian dan boleh memotong sebarang jumlah yang di-kreditkan atau patut di-bayar kepada ahli atau harta pusaka ahli yang mati sebagai pembayaran bagi sebarang hutang yang demikian.



Saham<sup>2</sup> atau hak tidak boleh di-tahan atau di-jual.

16. Tertaklok kepada syarat<sup>2</sup> dari bab 15, saham atau hak ahli dalam modal sharikat yang terdaftar tidak boleh di-tahan atau di-jual di-bawah dikri atau perintah mahkamah berkenaan dengan sebarang hutang atau tanggungan yang di-tanggung oleh ahli tersebut, dan sama ada penerima dalam perkara muflis mahu pun penerima yang di-lantek dengan semporna-nya tidak berhak kepada, atau mempunyai sebarang tuntutan atas saham atau hak tersebut.

Pemindahan hak apabila ahli mati.

17. (1) Apabila seorang ahli mati, sharikat yang terdaftar boleh memindahkan saham atau hak ahli yang mati itu kepada orang yang di-namakan menurut peratoran<sup>2</sup> yang di-buat berkenaan dengan-nya, atau, jika tiada orang yang di-namakan sedemikian, kepada orang<sup>2</sup> yang di-pandang oleh Jawatankuasa sebagai waris atau wakil di-sisi undang<sup>2</sup> bagi ahli yang mati, atau boleh membayar kepada penama, waris atau wakil di-sisi undang<sup>2</sup> tersebut, mengikut mana<sup>2</sup> yang berkenaan, sebanyak harga saham atau hak ahli tersebut, seperti yang di-tentukan menurut peratoran<sup>2</sup> atau tambahan peratoran-nya:

Sharat-nya bahawa :—

- (a) dalam perkara sharikat dengan tanggungan tidak berhad penama, waris atau wakil di-sisi undang<sup>2</sup> tersebut, mana<sup>2</sup> yang berkenaan, boleh menghendaki sharikat itu membayar harga saham atau hak ahli yang mati itu yang di-tentukan seperti tersebut di-atas;
- (b) dalam perkara sharikat dengan tanggungan berhad, sharikat itu boleh memindahkan saham atau hak ahli yang mati kepada penama, waris atau wakil di-sisi undang<sup>2</sup> tersebut, mana<sup>2</sup> yang berkenaan, yang layak menurut peratoran<sup>2</sup> dan tambahan peratoran-nya menjadi ahli sharikat itu, atau atas permohonan-nya dalam tempoh enam bulan dari kematian ahli itu kepada sebarang orang yang di-nyatakan dalam permohonan itu yang berkelayakan sedemikian.



(2) Sabuah sharikat yang terdaftar hendak-lah membayar segala wang lain yang patut di-bayar kepada ahli yang mati itu oleh sharikat itu kepada penama, waris atau wakil di-sisi undang2 tersebut, mana2 yang berkenaan.

(3) Segala pemindahan2 dan pembayaran2 yang di-buat oleh sharikat yang terdaftar menurut syarat2 dari bab ini ada-lah sah dan berkuasa terhadap sebarang tuntutan yang di-buat kepada sharikat itu oleh sebarang orang lain.

Wang petarohan oleh atau bagi pehak yang belum dewasa.

18. (1) Sabuah sharikat yang terdaftar boleh menerima wang petarohan daripada atau bagi faedah orang2 yang belum dewasa dan ada-lah sah di-sisi undang2 bagi sharikat yang terdaftar membayar kepada orang2 yang belum dewasa itu wang faedah yang harus di-bayar atas wang petarohan tersebut. Sebarang wang petarohan yang di-simpan oleh saorang yang belum dewasa boleh, bersama dengan faedah yang di-dapati daripadanya, di-bayar kepada orang yang belum dewasa itu; dan sebarang wang petarohan yang di-simpan bagi pehak saorang yang belum dewasa boleh, bersama dengan faedah yang di-dapati daripadanya, di-bayar kepada penjaga orang yang belum dewasa itu untuk kegunaan orang yang belum dewasa itu.

(2) Tanda penerimaan dari sebarang orang yang belum dewasa atau penjaga bagi wang yang di-bayar kepada-nya di-bawah bab ini ada-lah memadai bagi melepaskan sharikat itu dari tanggongannya berkenaan dengan wang itu.

Daftar Ahli2.

19. (1) Sebarang daftar atau senarai ahli2 yang di-simpan oleh sebarang sharikat yang terdaftar adalah menjadi keterangan pada zahir-nya bagi sebarang dari keterangan2 yang berikut yang termasuk di-dalam-nya .—

(a) tarikh yang mana sebarang orang telah di-masokkan dalam daftar atau senarai sebagai saorang ahli;

(b) tarikh yang sebarang orang itu berhenti dari menjadi ahli.

Bukti bagi kemasokan2 dalam buku2 sharikat.

20. (1) Satu salinan dari sebarang kemasokan dalam sabuah buku sharikat yang terdaftar yang di-tulis menurut peratoran dalam perjalanan per-



niagaan hendak-lah, jika di-akui dengan chara yang di-tetapkan oleh peratoran<sup>2</sup>, di-terima dalam sebarang pembicharaan di-sisi undang<sup>2</sup>, sivil atau jena-yah, sebagai keterangan pada zahir-nya bagi adanya kemasokan yang tersebut dan hendak-lah di-terima sebagai bukti bagi perkara<sup>2</sup>, urusan<sup>2</sup> dan kira<sup>2</sup> yang di-rekodkan di-dalam-nya dalam tiap<sup>2</sup> perkara sebagaimana, dan sama luas-nya, kemasokan asal itu sendiri di-terima.

(2) Tiada pegawai dari sebarang sharikat akan, dalam sebarang pembicharaan di-sisi undang<sup>2</sup> yang mana sharikat itu tidak terlibat, di-paksa mengeluarkan sebarang buku sharikat itu yang boleh dibuktikan isi kandongan-nya di-bawah bab (1) atau hadir sebagai saksi untok membuktikan sebarang perkara, urusan<sup>2</sup> atau kira<sup>2</sup> yang terchatet di-dalam-nya, melainkan mahkamah kerana sebab<sup>2</sup> istimewa mengarahkan demikian.

#### BAHAGIAN IV

##### Hak<sup>2</sup> dan Tanggongan<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup>

**Kelayakan menjadi ahli.**

21. Untok layak menjadi ahli sharikat kerjasama saorang, selain dari sharikat yang terdaftar, mesti-lah :—

- (a) telah berumur 18 tahun; dan
- (b) diam di-dalam atau mendudoki tanah dalam kawasan pengendalian sharikat itu saperti yang di-nyatakan oleh tambahan peratoran-nya.

**Ahli<sup>2</sup> tidak akan menjalankan hak<sup>2</sup> sehingga telah menjelaskan pembayaran dengan samporna.**

22. Ahli sharikat yang terdaftar tidak akan menjalankan hak<sup>2</sup> saorang ahli melainkan atau sehingga ia telah menjelaskan bayaran kepada sharikat untok menjadi ahli atau telah memperolehi hak dalam sharikat itu saperti yang telah di-tetapkan oleh peratoran<sup>2</sup> atau tambahan peratoran.

**Sekatan menjadi ahli dalam sharikat.**

23. Kechuali dengan kebenaran Pendaftar, sa-saorang tidak boleh menjadi ahli lebeh dari sabuah sharikat yang terdaftar yang mempunyai tujuan utama untok memberi pinjaman<sup>2</sup> kepada ahli<sup>2</sup>-nya.

**Undi<sup>2</sup> bagi ahli.**

24. Tiap<sup>2</sup> ahli bagi sa-buah sharikat yang terdaftar ada-lah mempunyai hanya satu undi sebagai saorang ahli, dalam urusan sharikat berdaftar itu



kechuali dalam perkara undi yang sama banyaknya maka Pengerusi ada-lah mempunyai undi pemutus selain dari undi-nya sebagai seorang ahli.

Dengan syarat bahawa sa-sabuaah sharikat berdaftar yang menjadi ahli mana2 sharikat berdaftar yang lain ada-lah mempunyai beberapa banyak undi yang mungkin di-tetapkan oleh tambahan peratoran sharikat lain itu, dan boleh, terta'alok kepada tambahan peratoran tersebut, melantek sebarang bilangan ahli2-nya yang tidak melebihi bilangan undi2 tersebut, untok menjalankan kuasa mengundi. Tiada sebarang wakil lain boleh di-benarkan.

**Kontrek2 dengan sharikat yang ahli2-nya belum dewasa.**

25. Sebarang orang yang belum dewasa atau belum chukup umur yang telah di-terima dengan samporna-nya sebagai ahli tidak tersekat kerana belum dewasa atau belum chukup umur dari melaksanakan sebarang surat-chara atau memberi sebarang penyelesaian yang perlu di-laksanakan atau diberikan di-bawah Undang2 ini atau peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya, dan tidak boleh di-jadikan alasan untok membatalkan atau mengelakkan sebarang kontrek yang di-masoki oleh sebarang orang yang demikian dengan sharikat itu, sama ada sebagai peminjam atau penjamin boleh di-kuatkuasakan di-sisi undang2 atau terhadap orang itu dengan tidak menghiraukan belum dewasa atau belum chukup umur-nya.

**Tiada orang per-seorangan akan mempunyai lebih dari satu per lima dari modal saham sebarang sharikat.**

26. Tiada ahli, selain dari sharikat yang terdaftar, akan mempunyai lebih daripada satu per lima dari modal saham sebarang sharikat kerjasama.

**Sekatan2 atas pemindahan atau chagaran bagi saham atau hak.**

27. (1) Pemindahan atau chagaran bagi saham atau hak ahli atau ahli yang berhenti atau ahli yang mati dalam modal sharikat yang terdaftar akan tertaklok kepada syarat2 tentang pegangan terbanyak saperti yang di-tetapkan oleh Undang2 ini atau oleh Peratoran2-nya.

(2) Dalam perkara sharikat yang terdaftar dengan tanggungan tidak terhad, seorang ahli tidak boleh memindahkan sebarang saham yang dipegang oleh-nya atau hak-nya dalam modal shari-



kat itu atau sebarang bahagian daripada-nya, melainkan :—

- (a) ia telah memegang saham atau hak selama tidak kurang dari satu tahun; dan
- (b) pemindahan atau chagaran itu ada-lah di-buat kepada sharikat itu, atau kepada orang yang permohonan-nya untuk menjadi ahli telah di-terima oleh jawatankuasa.

Tanggungan ahli yang berhenti dan harta simati bagi hutang2 sharikat.

28. (1) Tanggungan saorang ahli yang telah berhenti terhadap hutang2 sharikat terdaftar sebagaimana yang ada pada tarikh ia-nya berhenti menjadi ahli tidak akan berlanjutan selama lebeh dari dua tahun di-kira dari tarikh itu.

(2) Harta pusaka saorang ahli yang mati tidak boleh di-tahan untuk hutang2 sharikat itu sebagaimana yang ada pada tarikh kematian-nya, selama lebeh dari dua tahun di-kira dari tarikh kematian-nya.

## BAHAGIAN V

### Harta dan Kumpulan Wang Sharikat yang Terdaftar

Pinjaman2 yang di-berikan oleh sharikat yang terdaftar.

29. (1) Sabuah sharikat yang terdaftar tidak boleh, kechuali saperti yang di-sharatkan dalam Bab 32 memberi sebarang pinjaman kepada sebarang orang selain dari ahli: Syarat-nya bahawa, dengan kebenaran Pendaftar, sabuah sharikat yang terdaftar boleh memberi pinjaman2 kepada lain sharikat yang terdaftar.

(2) Kechuali dengan kebenaran Pendaftar, sabuah sharikat yang terdaftar tidak akan meminjamkan wang atas chagaran sebarang harta yang bergerak selain dari hasil pengeluaran atau barang2 yang sharikat itu di-benarkan untuk mengendalikan-nya.

(3) Mentri Besar boleh, dengan perintah 'am atau khas melarang atau menghadkan pinjaman wang dengan pajakan atau chagaran atas sebarang jenis harta yang bergerak oleh sebarang sharikat yang terdaftar atau jenis sharikat2 yang terdaftar.



Wang petarohan dan pinjaman<sup>2</sup> yang di-terima oleh sharikat yang terdaftar.

30. Sabuah sharikat yang terdaftar hendak-lah menerima wang petarohan dan pinjaman<sup>2</sup> dari orang<sup>2</sup> yang bukan ahli hanya setakat dan di-bawah syarat<sup>2</sup> saperti yang di-tetapkan oleh peratoran<sup>2</sup> dan tambahan peratoran.

Sekatan bagi lain<sup>2</sup> urusan dengan bukan ahli.

31. Kechuali saperti yang di-sharatkan dalam Bab 29 dan 30, urusan<sup>2</sup> sharikat yang terdaftar dengan orang<sup>2</sup> selain dari ahli<sup>2</sup> hendak-lah tertak-lok kapada larangan<sup>2</sup> dan sekatan<sup>2</sup> saperti yang di-tetapkan oleh peratoran<sup>2</sup>.

Laboran kumpulan wang.

32. Sabuah sharikat yang terdaftar boleh melaborkan atau menyimpan kumpulan wang-nya :—

- (a) dalam Bank Simpanan Pejabat Pos; atau
- (b) dengan sebarang bank atau orang<sup>2</sup> yang menjalankan perniagaan bank yang di-benarkan untok maksud ini oleh Pendaftar; atau
- (c) dalam sebarang chagaran<sup>2</sup> yang di-keluarkan atau di-jamin oleh Kerajaan; atau
- (d) dengan sebarang sharikat lain yang terdaftar yang di-benarkan untok maksud ini oleh Pendaftar; atau
- (e) dalam sebarang chara lain yang di-benarkan oleh Pendaftar.

Pembahagian keuntungan.

33. (1) Sekurang<sup>2</sup>-nya satu per empat dari keuntungan<sup>2</sup> berseh bagi tiap<sup>2</sup> sharikat terdaftar, sebagaimana yang di-tentukan oleh odit yang di-tetapkan oleh Bab 34, hendak-lah di-masokkan ka-dalam satu kumpulan wang yang di-gelar kumpulan wang simpanan, yang mana hendak-lah di-pergunakan saperti yang di-tetapkan oleh atoran<sup>2</sup>-nya. Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh atas pertimbangannya sendiri mengurangkan peratus sumbangan atau mengechualikan sa-sabuah sharikat dari tanggongan menchagarkan sa-suatu kumpulan wang. Baki keuntungan<sup>2</sup> itu serta apa jua keuntungan dari tahun<sup>2</sup> yang lampau yang ada untok pembahagian boleh di-bahagikan di-antara ahli<sup>2</sup> dengan chara



memberi dividen atau bonos, atau di-peruntokkan kepada apa jua kumpulan wang yang di-tubuhkan oleh sharikat itu setakat atau di-bawah syarat2 yang mungkin di-tetapkan oleh peratoran2 atau tambahan peratoran :

Dengan syarat selanjut-nya bahawa, jika sabuah sharikat itu mempunyai tanggungan yang tidak terhad, maka tiada sebarang pembahagian keuntungan boleh di-lakukan tanpa perintah 'am atau khas dari Menteri Besar.

(2) Mana2 sharikat berdaftar boleh, dengan kebenaran Pendaftar, selepas satu-per-empat dari keuntungan2 berseh dalam mana2 satu tahun telah di-masokkan ka-dalam kumpulan wang simpanan, menyumbangkan sa-jumlah wang yang tidak melebihi 10 peratus dari baki keuntungan2 berseh kepada apa jua maksud kebajikan atau kepada wang kebajikan 'am.

## BAHAGIAN VI

### Odit, Pemereksaan dan Penyiasatan

#### Odit.

34. (1) Pendaftar hendak-lah mengodit atau menyebabkan supaya di-odit oleh sa-seorang yang di-beri kuasa oleh-nya dengan perintah 'am atau khas yang bertulis kira2 bagi tiap2 sharikat yang terdaftar sekurang2-nya sekali dalam tiap2 tahun.

(2) Odit di-bawah cheraian (1) hendak-lah termasuk pemereksaan bagi hutang2 yang terlambat di-bayar, jika ada, dan nilai harta2 dan tanggungan sharikat yang terdaftar itu.

(3) Pendaftar dan tiap2 orang lain yang dilantek untok mengodit kira2 sharikat ada-lah berkuasa bila mustahak :—

(a) memanggil, pada masa mengodit, sebarang pegawai, wakil, pekerja atau ahli sharikat itu yang ia ada sebab untok memperchayai boleh memberi maklumat yang mustahak mengenai dengan sebarang urusan2 sharikat itu atau pengurusan hal ehwal-nya; atau



- (b) menghendaki pegawai, wakil, pekerja atau ahli yang memegang buku, dokumen, wang tunai atau chagaran<sup>2</sup> yang di-punyai oleh sharikat itu supaya mengeluarkan sebarang buku atau dokumen mengenai dengan urusan<sup>2</sup> atau sebarang wang tunai atau chagaran<sup>2</sup> tersebut.

**Kuasa Pendaftar bagi memeriksa buku<sup>2</sup> sharikat d.s.b.**

35. Pendaftar atau sebarang orang yang di-beri kuasa dengan perintah 'am atau khas yang bertulis oleh Pendaftar ada-lah pada setiap masa berkuasa mendapatkan segala buku<sup>2</sup>, kira<sup>2</sup>, kertas<sup>2</sup> dan chagaran<sup>2</sup> sharikat yang terdaftar dan ada-lah berhak memeriksa wang tunai di-tangan; dan tiap<sup>2</sup> pegawai sharikat itu hendak-lah memberikan maklumat mengenai dengan urusan dan perjalanan sharikat itu sebagaimana yang di-kehendaki oleh orang yang menjalankan pemeriksaan tersebut.

**Penyiasatan dan pemeriksaan.**

36. (1) Pendaftar boleh dengan kehendak-nya sendiri, dan hendak-lah dengan permohonan dari jawatankuasa mengikut suara terbanyak, atau dari tidak kurang dari satu pertiga dari ahli<sup>2</sup> sharikat yang terdaftar, mengadakan suatu penyiasatan atau mengarahkan sa-seorang yang di-beri kuasa oleh-nya dengan perintah bertulis mengenai dengan-nya untuk mengadakan suatu penyiasatan tentang perlembagaan, perjalanan dan keadaan kewangan sharikat yang terdaftar; dan semua pegawai<sup>2</sup> dan ahli<sup>2</sup> sharikat itu hendak-lah memberikan maklumat tersebut mengenai dengan urusan<sup>2</sup> sharikat itu dan menunjokkan wang tunai di-tangan dan segala buku<sup>2</sup>, kira<sup>2</sup>, kertas<sup>2</sup> dan chagaran<sup>2</sup> sharikat itu sebagaimana yang di-kehendaki oleh Pendaftar atau orang yang di-beri kuasa oleh-nya.

(2) Pendaftar hendak-lah, atas permohonan si-piutang bagi sharikat yang terdaftar itu, memeriksa atau mengarahkan sa-seorang yang di-beri kuasa oleh-nya dengan bertulis mengenai dengan-nya bagi memeriksa buku<sup>2</sup> sharikat itu, jika permohonan itu :—

- (a) membuktikan bahawa suatu jumlah yang tertentu ada-lah patut di-bayar kepada-nya dan bahawa ia telah me-



nuntut bayaran-nya dan belum mendapat penjelasan dalam tempoh yang berpatutan; dan

- (b) menyimpan wang petarohan dengan Pendaftar sebagai chagaran untuk perbelanjaan pemereksaan yang di-chadangkan itu sebanyak yang di-kehendaki oleh Pendaftar.

(3) Pendaftar hendak-lah menyampaikan hasil2 dari sebarang pemereksaan tersebut kepada si-piutang dan kepada sharikat yang telah di-siasat per-jalanan-nya.

(4) Di-mana suatu penyiasatan telah di-jalankan di-bawah cheraian (1), atau suatu pemereksaan telah di-buat di-bawah cheraian (2), Pendaftar boleh dengan sijil yang di-tandatangani-nya membuat keputusan untuk membahagikan perbelanjaan2 itu atau sebahagian dari perbelanjaan2 itu, sebagaimana yang di-fikir-nya betul, di-antara sharikat yang terdaftar, ahli2 yang menuntut penyiasatan, pegawai2 atau pegawai2 yang terdahulu dari sharikat itu, dan si-piutang, jika ada, yang memohon supaya di-adakan penyiasatan tersebut.

(5) Sebarang jumlah yang di-putuskan sechara perbelanjaan2 terhadap sebarang sharikat atau orang di-bawah Bab ini boleh di-dapatkan bayaran-nya dengan menunjokkan sijil yang tersebut pada cheraian (4) kepada mahkamah yang mempunyai bidangkuasa di-tempat terletak-nya pejabat sharikat yang terdaftar itu atau orang itu diam atau menjalankan perniagaan pada masa itu, sama chara-nya dengan denda yang di-kenakan oleh mahkamah itu.

## BAHAGIAN VII

### Pembubaran

#### Pembubaran.

37. (1) Jika Pendaftar, setelah menjalankan penyiasatan atau membuat pemereksaan di-bawah Bab 36 atau apabila menerima permohonan yang di-buat oleh tiga-suku daripada ahli2 sharikat yang terdaftar, berpendapat bahawa sharikat itu patut



di-bubarkan, ia boleh membuat perintah bagi pembatalan pendaftaran sharikat itu.

(2) Sebarang ahli sharikat yang terdaftar boleh, dalam tempoh dua bulan dari tarikh perintah di-bawah cheraian (1) merayu kepada Mentri Besar atas perintah tersebut.

(3) Di-mana rayuan tidak di-kemukakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh perintah membatalkan pendaftaran sharikat itu, perintah itu akan berjalan kuatkuasa-nya apabila habis tempoh itu. Di-mana rayuan di-kemukakan dalam tempoh dua bulan, perintah itu tidak akan berjalan kuatkuasa-nya sehingga ia-nya di-sahkan oleh Mentri Besar.

(4) Di-mana Pendaftar membuat perintah bagi pembatalan pendaftaran sabuah sharikat di-bawah cheraian (1), ia boleh membuat perintah selanjutnya seperti yang di-fikir-nya patut bagi menyimpan buku2 dan dokumen2 dan menjaga harta2 sharikat itu sehingga berjalan kuatkuasa perintah pembatalan pendaftaran.

(5) Tiada sharikat yang terdaftar akan di-tutup kechuali dengan perintah dari Pendaftar.

**Pembatalan  
Pendaftaran  
sharikat  
kerana kurang  
ahli.**

38. Pendaftar boleh, dengan perintah bertulis, membatalkan pendaftaran sebarang sharikat yang terdaftar selain dari sharikat yang termasuk antara ahli2-nya sabuah atau lebeh sharikat2 yang terdaftar, jika pada sebarang masa terbukti hingga memuaskan hati-nya bahawa bilangan ahli2 telah kurang dari 10. Setiap perintah yang demikian akan berjalan kuatkuasa-nya dari tarikh bagi-nya.

**Akibat  
Pembatalan  
Pendaftaran.**

39. Di-mana pendaftaran sabuah sharikat itu di-batalkan dengan perintah di-bawah Bab 37 atau di-bawah Bab 38 sharikat itu akan terhenti daripada menjadi sebagai perbadanan dari tarikh perintah itu berjalan kuatkuasa-nya, selepas ini di-sebut sebagai tarikh pembubaran :

Sharat-nya bahawa sebarang hak2 yang di-berikan kepada sharikat itu oleh atau di-bawah Bab2 14, 15, 16 dan 17 hendak-lah di-anggap sebagai ter-serah kepada sebarang penyelesaian hutang-piutang yang di-lantek bagi sharikat itu oleh Pendaftar.



**Penyelesaian hutang-piutang selepas pembatalan pendaftaran sharikat.**

40. Di-mana pendaftaran sebuah sharikat itu di-batalkan di-bawah Bab 37 atau Bab 38 Pendaftar boleh melantek saorang atau lebeh menjadi tertaklok di-bawah arahan dan kawalan-nya, penyelesaian atau penyelesaian2 hutang-piutang bagi sharikat itu.

**Kuasa2 penyelesai hutang-piutang.**

41. (1) Saorang penyelesai hutang-piutang yang dilantek di-bawah Bab 40 hendak-lah tertaklok kepada pimpinan dan pengawalan Pendaftar dan kepada sebarang had2 yang di-kenakan oleh Pendaftar dengan perintah di-bawah Bab 42, berkuasa bagi :—

- (a) menentukan dari masa ka-semasa bayaran2 yang akan di-buat oleh ahli2 dan ahli2 yang telah berhenti atau oleh harta2 ahli yang mati dari sharikat itu kepada harta2-nya;
- (b) menetapkan suatu hari dengan perish-tiharan atau notis sebelum mana si-piutang2 yang belum di-rekodkan tuntutan2-nya dalam buku2 sharikat itu hendak-lah menyatakan tuntutan2 mereka untok di-masokkan atau ditolak dari sebarang pembahagian yang di-buat sebelum mereka membuktikannya;
- (c) memutuskan sebarang soal keutamaan yang timbul di-antara si-piutang2 dan menyusun suatu ranchangan untok membuat bayaran yang patut kepada mereka;
- (d) merujukkan perbalahan2 untok timbangtara dan memulakan dan mempertahankan perbicharaan dan lain2 proses undang2 oleh dan bagi pehak sharikat itu dengan nama jawatan-nya dan hadir sendiri dalam mahkamah sebagai penda'awa bagi pehak sharikat itu;
- (e) memberi kuasa kepada sebarang orang untok memungut wang dan mengeluarkan resit2 yang sah bagi pehak-nya;



- (f) memutuskan orang2 yang akan menanggung perbelanjaan2 penyelesaian hutang-piutang dan bahagian2-nya;
- (g) memberi arahan2 mengenai dengan pungutan pembahagian harta2 sharikat itu dan pengurusan buku2 dan dokumen2 sharikat itu sebagaimana yang perlu dalam perjalanan menutup sharikat itu;
- (h) menyelesaikan dengan tolakansor sebarang tuntutan oleh atau terhadap sharikat itu dengan syarat mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar;
- (i) memanggil mashuarat2 agong bagi ahli2 sebagaimana yang perlu untuk menjalankan penyelesaian hutang-piutang dengan sempurna-nya;
- (j) mengambil buku2, dokumen2 dan harta2 sharikat itu;
- (k) menjual harta benda sharikat itu;
- (l) meneruskan perniagaan sharikat itu; sa-jauh mana yang perlu untuk menutup-nya dengan sebaik2-nya :  
 Syarat-nya bahawa tiada sesuatu yang terkandung di-dalam ini akan memberi hak kepada penyelesai hutang-piutang sharikat pinjaman bagi memberi sebarang pinjaman; dan
- (m) mengator pembahagian harta2 sharikat itu sechara yang mudah apabila rancangan pembahagian telah diluluskan oleh Pendaftar.

(2) Penyelesai hutang-piutang hendak-lah menyimpan kumpulan wang dan lain2 harta sharikat yang di-bubarkan yang di-pungut oleh-nya atau yang di-terima oleh-nya sebagai penyelesai hutang-piutang dengan chara dan di-tempat yang di-tentukan dari semasa ka-semasa oleh Pendaftar.

(3) Penyelesai hutang-piutang hendak-lah, tiap2 tiga bulan, menghantar kepada Pendaftar



laporan menyatakan kemajuan yang telah di-buat dalam menggulong urusan2 sharikat itu, dan hendak-lah, apabila tammat tindakan penyelesaian hutang-piutang, menyerahkan kepada Pendaftar segala buku2, daftar2 dan kira2 sharikat itu dan segala buku2 dan kira2 yang berkaitan dengan tindakan2 tersebut yang di-simpan oleh-nya.

(4) Sebarang penyelesai hutang-piutang yang di-lantek di-bawah Undang2 ini hendak-lah sejauh mana kuasa2 ada-lah perlu untok menjalankan maksud2 bab ini, mempunyai kuasa untok memanggil dan memaksa pihak2 dan saksi hadir dan memaksa supaya di-keluarkan dokumen2 dengan jalan2 yang sama dan (sejauh yang berkenaan) chara yang sama seperti yang di-sharatkan dalam perkara mahkamah.

**Kuasa Pendaftar bagi mengawal penyelesaian hutang-piutang.**

42. Penyelesai hutang-piutang hendak-lah menjalankan kuasa2-nya tertaklok kepada kawalan dan pindaan Pendaftar yang boleh :—

- (a) membatalkan atau mengubah sebarang perintah yang di-buat oleh penyelesai hutang-piutang dan membuat apa jua perintah baharu yang di-kehendaki;
- (b) memberhentikan penyelesai hutang-piutang dari jawatan;
- (c) meminta segala buku2, dokumen2 dan harta2 sharikat itu;
- (d) dengan perintah bertulis menghadkan kuasa2 penyelesai hutang-piutang di-bawah Bab 41;
- (e) menghendaki supaya kira2 di-berikan kepada-nya oleh penyelesai hutang-piutang;
- (f) mengadakan pemereksaan odit bagi kira2 penyelesai hutang-piutang dan membenarkan pembahagian harta2 sharikat itu;
- (g) membuat perintah untok pembayaran kepada penyelesai hutang-piutang; atau



- (h) merujokkan sebarang perkara perbalahan di-antara penyelesaian dan sebarang pihak yang ketiga untuk timbangtara jika pihak itu telah bersetuju dengan bertulis akan terikat oleh keputusan penimbangtara.

**Menguatkuasakan perintah.**

43. (1) Keputusan penimbangtara atas sebarang perkara yang di-rujokkan kapada-nya di-bawah Bab 42 ada-lah terikat ka-atas semua pihak, dan hendak-lah di-kuatkuasakan dengan sama chara saperti perintah yang di-buat oleh Pendaftar di-bawah bab itu.

(2) Perintah yang di-buat oleh penyelesaian hutang-piutang atau oleh Pendaftar di-bawah Bab 41 atau Bab 42 hendak-lah di-kuatkuasakan oleh sebarang mahkamah yang mempunyai bidangkuasa pada tempat yang pejabat sharikat itu di-daftarkan dengan sama chara saperti dikri mahkamah itu.

**Bidangkuasa mahkamah terhadap.**

44. Kechuali sebagaimana yang telah di-sharatkan dengan nyata-nya terdahulu dari ini, tiada mahkamah sivil akan mempunyai sebarang bidangkuasa mengenai sebarang perkara yang berhubung dengan pembubaran sharikat yang terdaftar di-bawah Undang2 ini, dan rayuan tidak boleh di-hadapkan kapada sebarang mahkamah sivil dari sebarang perintah penyelesaian hutang-piutang.

**Penutup penyelesaian hutang-piutang.**

45. (1) Dalam penyelesaian hutang-piutang bagi sharikat yang telah di-batalkan pendaftaran-nya, kumpulan wang-nya, termasuk kumpulan wang simpanan, hendak-lah di-gunakan pertama-nya untuk perbelanjaan penyelesaian hutang-piutang kemudian untuk melepaskan tanggongan2 sharikat itu, kemudian untuk membayar modal saham dan kemudian, syarat-nya tambahan peratoran sharikat itu membenarkan, untuk membayar dividen atas kadar tidak melebihi 10 peratus sa-tahun bagi sebarang tempoh yang tidak di-bayar pembahagian keuntungan.

(2) Apabila penyelesaian hutang-piutang bagi sharikat telah di-tutup dan sebarang piutang sharikat itu belum menuntut atau menerima hak-



nya menurut jadual pembahagian, notis mengenai dengan penutupan penyelesaian itu hendaklah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*; dan, semua tuntutan terhadap kumpulan wang sharikat yang di-selesaikan itu akan di-tolak apabila dua tahun telah berlangsung dari tarikh siaran notis *Warta Kerajaan* itu.

(3) Sebarang kelebihan yang tinggal setelah kumpulan wang itu di-gunakan untuk maksud yang di-tentukan dalam cheraian (1), termasuk wang yang tinggal berkenaan dengan tuntutan yang telah di-tolak di-bawah cheraian (2), hendaklah di-gunakan untuk perkara atau perkara2 kegunaan awam tempatan seperti yang di-pilih dengan undi terbanyak dari ahli2 sharikat itu (seperti yang berada pada tarikh pembubaran) yang berkumpul dalam mashuarat khas dan di-sahkan oleh Pendaftar. Jika dalam tempoh tiga bulan dari pembubaran sharikat itu ahli2-nya gagal untuk membuat pilihan yang di-luluskan oleh Pendaftar, yang terkemudian hendaklah menaruh baki tersebut sebagai wang petarohan dalam bank kerjasama atau lain2 bank sehingga sebuah sharikat kerjasama baharu dengan kawasan bekerja yang sama di-daftarkan, bilamana ia-nya hendaklah di-masukkan kepada kumpulan wang simpanan sharikat itu.

(4) Faedah yang terkumpul dari baki yang di-taruh dalam sebarang bank menurut syarat dari cheraian (3) boleh di-gunakan oleh pendaftar bagi memajukan prinsip2 kerjasama dengan chara yang boleh di-arahkan oleh Menteri Besar dari semasa ka-semasa.

(5) Apabila sebarang baki yang di-taruh sebagai wang petarohan dalam bank menurut syarat cheraian (3) telah tinggal dalam petarohan bagi tempoh selama sepuluh tahun baki itu boleh, setelah genap tempoh itu, di-gunakan oleh Pendaftar untuk maksud yang di-tentukan dalam cheraian (4) seperti yang di-arahkan oleh Menteri Besar dari semasa ka-semasa.



## BAHAGIAN VIII

## Mendenda dan Menahan

Kuasa Pendaftar  
untuk mendenda  
pegawai2 dll.  
bagi sharikat  
yang terdaftar.

46. (1) Di-mana, dalam perjalanan menggulong hal sharikat yang terdaftar, nampak-nya bahawa sebarang orang yang telah mengambil bahagian dalam penubohan atau pengurusan sharikat itu atau sebarang pegawai yang dahulu atau sekarang dari sharikat telah menyalah-gunaan atau menyimpan atau bertanggung atau bertanggung jawab bagi sebarang wang atau harta sharikat itu atau telah bersalah kerana salah buat atau pechah amanah berkaitan dengan sharikat itu, pendaftar boleh, atas permohonan dari penyelesaian hutang-piutang atau sebarang si-piutang atau pembantu-nya, memeriksa terhadap kelakuan orang itu dan membuat perintah bagi menghendaki-nya membayar balek atau mengganti wang itu atau harta atau sebarang bahagian daripadanya dengan faedah atas kadar yang Pendaftar fikirkan adil atau membayar jumlah itu kepada harta sharikat itu sechara ganti rugi berkenaan dengan salah guna, menahan, tipuan atau pechah amanah sebagaimana Pendaftar fikirkan adil. Perintah itu hendak-lah di-kuatkuasakan dengan sama chara seolah2 perintah itu hukuman mahkamah.

(2) Bab ini akan berjalan dengan tidak menghiraukan bahawa perbuatan itu ada-lah suatu yang pesalah itu boleh jadi bertanggung jawab sechara jenayah.

Rayuan kepada  
Mentri Besar.

47. Sebarang orang yang tidak puas hati dengan sebarang perintah Pendaftar di-bawah Bab 46 boleh merayu kepada Mentri Besar dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh perintah itu dan keputusan Mentri Besar ada-lah muktamat.

## BAHAGIAN IX

## Pertikaian

Penyelesaian  
Pertikaian.

48. (1) Jika sebarang pertikaian mengenai urusan sharikat yang terdaftar timbul:—



- (a) antara ahli2, bekas ahli2 atau orang2 yang menuntut menerusi ahli2, bekas ahli2 dan ahli2 yang telah mati; atau
- (b) antara ahli, bekas ahli atau orang yang menuntut menerusi ahli, bekas ahli atau ahli yang telah mati, dengan sharikat, jawatankuasa-nya atau sebarang pegawai sharikat; atau
- (c) antara sharikat atau jawatankuasa-nya dengan sebarang pegawai sharikat; atau
- (d) antara sharikat dengan sebarang sharikat yang terdaftar yang lain;

pertikaian2 itu hendak-lah di-rujokkan kepada Pendaftar untok di-putuskan.

Tuntutan oleh sharikat yang terdaftar bagi sebarang hutang atau bayaran yang patut di-bayar dari ahli, bekas ahli atau penama-nya, warith atau wakil di-sisi undang2 bagi ahli yang telah mati, hendak-lah di-anggap sebagai pertikaian mengenai urusan sharikat itu dalam makna cheraian ini.

(2) Pendaftar boleh, apabila menerima rujokan di-bawah bab (1):—

- (a) memutuskan pertikaian itu sendiri; atau
- (b) merujokkan-nya untok di-selesaikan kepada penimbangtara atau penimbangtara2.

(3) Sebarang pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan penimbangtara atau penimbangtara2 boleh merayu kepada Pendaftar dalam tempoh dan chara sa-perti yang di-tetapkan.

(4) Keputusan Pendaftar di-bawah cheraian (2) atau rayuan di-bawah cheraian (3) adalah muktamat dan tidak boleh di-soal dalam sebarang apa jua pun perbicharaan di-sisi undang2.

(5) Keputusan penimbangtara atau penimbangtara2 di-bawah cheraian (2) adalah muktamat, jika tiada rayuan di-rujokkan kepada



Pendaftar di-bawah cheraian (3); atau jika sebarang rayuan itu di-tinggalkan atau di-tarek balek, dan tidak boleh di-soal dalam sebarang apa jua pun perbicharaan di-sisi undang2, dan hendaklah di-kuatkuasakan dengan sama chara saolah2 keputusan itu ada-lah hukuman mahkamah.

49. (1) Dengan tidak menghiraukan sesuatu yang terkandung dalam bab yang terdahulu, Pendaftar pada sebarang masa apabila membuat keputusan di-bawah Undang2 ini, atau Mentri Besar pada sebarang masa apabila rayuan telah di-rujokkan kapada-nya terhadap sebarang keputusan Pendaftar di-bawah Undang2 ini, boleh merujokkan sebarang soalan undang2 yang timbul dari keputusan itu untok pendapat Mahkamah Tinggi.

(2) Sebarang hakim atau hakim2 Mahkamah Tinggi saperti yang di-arahkan oleh Ketua Hakim boleh menimbang dan menetapkan sebarang soal undang2 yang di-rujokkan itu, dan pendapat yang di-beri atas soalan itu ada-lah muktamat.

## BAHAGIAN X

### Peratoran2

#### Peratoran2.

50. (1) Mentri Besar boleh membuat segala peratoran2 saperti yang perlu untok maksud menjalankan. atau memberi kesan kapada prinsep2 dan sharat2 Undang2 ini.

(2) Khas-nya, dan dengan tidak menyentoh keluasan kuasa yang di-berikan oleh cheraian (1), peratoran2 itu boleh:—

- (a) menetapkan borang2 yang di-gunakan dan sharat2 yang di-ikuti bagi memohon untok mendaftarkan sharikat dan achara dalam perkara permohonan tersebut;
- (b) menetapkan sharat2 yang akan di-patohi oleh orang2 yang memohon untok memasoki atau di-terima menjadi ahli2, dan memberikan sharat untok pilehan dan kemasokan ahli2



dari semasa ka-semasa, dan pembayaran yang akan di-buat dan hak2 untuk di-perolehi sebelum menjalankan hak2 ahli;

- (c) tertaklok kepada syarat2 Bab 26 dari Undang2 ini, menetapkan bilangan saham yang terbanyak atau bahagian dari modal sharikat yang terdaftar yang boleh di-pegang oleh seorang ahli;
- (d) menetapkan banyak-nya sharikat yang terdaftar boleh menghadkan bilangan ahli2-nya,
- (e) mengadakan syarat untuk ahli2 berhenti dan membuang ahli2 dan pembayaran2, jika ada, yang akan di-buat kepada ahli2 yang berhenti atau di-buang, dan tanggungan2 bagi bekas ahli2;
- (f) mengadakan syarat untuk mashuarat2 agong bagi ahli2 dan achara pada mashuarat2 tersebut dan kuasa2 yang akan di-jalankan oleh mashuarat2 itu;
- (g) mengadakan syarat untuk melantek, menahan dan membuang ahli2 jawatankuasa dan lain2 pegawai, dan achara pada mashuarat2 jawatankuasa, dan kuasa2 yang akan di-jalankan dan tugas2 yang di-lakukan oleh jawatankuasa dan lain2 pegawai;
- (h) menetapkan perkara2 yang mana sharikat boleh atau hendak-lah membuat tambahan2 peratoran dan achara yang akan di-ikuti bagi membuat, meminda dan membatalkan tambahan peratoran, dan syarat2 yang di-penohi sebelum membuat, meminda atau pembatalan;
- (i) mengator chara untuk mengumpul wang dengan jalan saham atau 'debenture' atau lain2 chara;



- (j) menetapkan syarat2 yang akan dipatohi oleh sharikat yang terdaftar untuk memohon bantuan wang daripada Kerajaan;
- (k) menetapkan pembayaran2 yang akan di-buat, syarat2 yang akan dipatohi dan borang2 bon, suratchara atau lain2 dokumen yang akan di-sempurnakan, oleh ahli2 yang memohon pinjaman2, atau kredit wang tunai, tempoh bagi memberi pinjaman atau kredit wang tunai, dan jumlah maxima yang boleh di-pinjamkan dan kredit maxima yang boleh di-benarkan kepada saorang ahli dengan atau dengan tiada kebenaran Pendaftar;
- (l) mengadakan chara bagaimana hak ahli yang mati akan di-tentukan nilai-nya dan chara menamakan sa-saorang kepada siapa hak2 itu boleh di-bayar atau di-pindahkan;
- (m) mengadakan chara bagaimana hak ahli yang telah gila dan tidak boleh menguruskan diri-nya atau urusannya akan di-tentukan nilai-nya dan chara menamakan sebarang orang kepada siapa hak itu boleh di-bayar atau di-pindahkan;
- (n) mengadakan syarat untuk menuboh dan memelihara kumpulan wang simpanan, dan tujuan2 yang mana kumpulan wang itu boleh di-gunakan, dan untuk melaborkan sebarang kumpulan wang di-bawah kawalan sharikat yang terdaftar;
- (o) menetapkan syarat2 di-bawah mana keuntungan2 boleh di-bahagikan kepada ahli2 sharikat dengan tanggungan tidak berhad dan kadar dividen maxima yang boleh di-bayar oleh sharikat2;
- (p) menetapkan kira2 dan buku2 yang di-simpan oleh sharikat yang terdaftar,



dan penyiaran kunci kira-kira berkala menunjukkan harta dan tanggungan syarikat yang terdaftar;

- (q) mengadakan syarat untuk mengaudit kira-kira syarikat yang terdaftar dan bayaran, jika ada, yang dikenakan bagi audit itu;
- (r) menetapkan penyataan yang akan dihantar oleh syarikat yang terdaftar kepada Pendaftar, dan orang yang menghantarnya dan borang untuk menghantarnya;
- (s) mengadakan syarat untuk orang yang mengesahkan salinan dari kemasukan dalam buku syarikat yang terdaftar dan borangnya;
- (t) mengadakan syarat bagi menubuh dan memelihara daftar ahli, dan jika tanggungan ahli berhad dengan saham, daftar saham;
- (u) mengadakan syarat untuk pemereksaan dokumen dan daftar di pejabat Pendaftar dan bayaran yang dikenakan baginya dan untuk mengeluarkan salinan bagi dokumen atau daftar;
- (v) menetapkan chara mana sebarang soalan mengenai dengan perkara melanggar sebarang tambahan peratoran atau kontrek berkenaan dengan penjualan hasil pengeluaran kepada atau menerusi syarikat, boleh ditentukan, dan chara mana ganti rugi kerananya;
- (w) menetapkan chara untuk melantek penimbangtara atau penimbangtara dan achara yang diikuti dalam perbicharaan di hadapan Pendaftar atau penimbangtara atau penimbangtara tersebut;
- (x) menetapkan achara yang diikuti oleh penyelesaian hutang-piutang yang dilantek di bawah Bab 40 dan perkara



yang mana rayuan<sup>2</sup> akan terbit daripada perintah<sup>2</sup> penyelesaian hutang-piutang tersebut;

- (y) menetapkan borang<sup>2</sup> untok di-gunakan, bayaran<sup>2</sup> yang di-kenakan, achara yang di-ikuti dan semua perkara<sup>2</sup> lain yang bersangkutan atau berkenaan dengan penyerahan, perbi-charaan dan penyelesaian rayuan<sup>2</sup> di-bawah Undang<sup>2</sup> ini atau peratoran<sup>2</sup>-nya.

## BAHAGIAN XI

### Rampaian

**Mendapat balek wang<sup>2</sup> yang patut di-bayar kepada Kerajaan.**

51. (1) Segala wang daripada sharikat yang terdaftar atau daripada pegawai atau bekas ahli sharikat yang terdaftar yang patut di-bayar kepada Kerajaan boleh di-dapati dengan chara yang di-sharatkan untok mendapat balek hutang<sup>2</sup> yang patut di-bayar kepada Kerajaan di-bawah undang<sup>2</sup> yang berkuatkuasa pada masa itu.

(2) Jumlah<sup>2</sup> yang patut di-bayar oleh sharikat yang terdaftar kepada Kerajaan dan boleh di-dapati di-bawah cheraian (1) boleh di-dapati pertamanya, dari harta sharikat itu; kedua-nya, dalam perkara sharikat yang tanggongan ahli<sup>2</sup>-nya adalah berhad, daripada ahli<sup>2</sup>-nya tertaklok kepada had tanggongan mereka; dan ketiga-nya, dalam perkara sharikat<sup>2</sup> lain, daripada ahli<sup>2</sup>-nya.

**Kuasa<sup>2</sup> untok membebaskan sebarang sharikat dari kehendak<sup>2</sup> mengenai pendaftaran.**

52. Dengan tidak menghiraukan sesuatu yang terkandung dalam Undang<sup>2</sup> ini Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan perintah khas dalam tiap<sup>2</sup> satu perkara dan tertaklok kepada syarat<sup>2</sup> yang di-kenakan-nya, membebaskan sebarang sharikat daripada sebarang kehendak<sup>2</sup> mengenai dengan pendaftaran.

53. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan perintah 'am atau khas membebaskan sebarang sharikat yang terdaftar atau kelas sharikat<sup>2</sup> dari sebarang syarat<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> ini, atau boleh



mengarahkan supaya syarat2 itu hendak-lah dikenakan kepada sebarang sharikat atau kelas sharikat2 mulai dari tarikh atau dengan perubahan2 seperti yang di-tetapkan dalam perintah itu.

54. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat dengan siaran dalam *Warta Kerajaan* boleh, dalam perkara sebarang sharikat yang terdaftar atau kelas sharikat2 yang terdaftar, mengurangkan atau menghapuskan:—

- (a) chukai setem yang mana, di-bawah sebarang undang2 yang berkuasa pada masa itu, surat chara2 yang di-laksanakan oleh atau bagi pihak sharikat yang terdaftar, atau oleh pegawai atau ahli, dan berkaitan dengan sharikat itu, atau sebarang kelas suratchara2 itu di-kenakan masing2; atau
- (b) Sebarang bayaran di-bawah sebarang undang2 berkaitan dengan pendaftaran atau lesen yang berkuasa pada masa itu.

(2) Pemberitahu untok membebaskan sebarang sharikat yang terdaftar dari bayaran2 yang tersebut dalam perenggan (b) cheraian (1) boleh mensharatkan bagi penarekan pembebasan tersebut.

**Di-larang menggunakan perkataan "Kerjasama".**

55. (1) Tiada orang selain dari sharikat yang terdaftar akan berdagang atau menjalankan perniagaan di-bawah sebarang nama atau gelaran yang mengandongi perkataan "Kerjasama" pada saba-hagian-nya dengan tiada persetujuan dari Sultan dalam Majlis Mashuarat :

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu dalam Bab ini akan di-gunakan kepada penggunaan oleh sebarang orang atau pengganti-nya sebarang nama atau gelaran yang ia telah berniaga atau menjalankan perniagaan pada permulaan Undang2 ini.

(2) Sebarang orang yang melanggar syarat2 dari bab ini akan melakukan kesalahan dan boleh di-kenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit dan, jika kesalahan itu berterusan, di-denda lagi sebanyak lima puluh ringgit bagi tiap2 satu hari selama kesalahan itu berterusan.



Undang2 Sharikat Perniagaan, Undang2 Persatuan, Undang2 Chukai Pendapatan dan Undang Kesatuan Sekerja tidak berkenaan.

Hukuman kerana tidak mematuhi Undang2

56. Syarat2 dari Undang2 Sharikat Perniagaan, Undang2 Persatuan, Undang2 Chukai Pendapatan dan Undang2 Kesatuan Sekerja tidak akan dikenakan kepada sharikat2 yang di-daftarkan di bawah Undang2 ini.

57. (1) Sebarang :

(a) Sharikat yang terdaftar atau pegawai atau ahli-nya dengan senghaja lalai atau enggan melakukan sebarang perbuatan atau memberikan sebarang maklumat yang di-kehendaki untuk maksud undang2 ini oleh Pendaftar atau orang lain yang di-berikuasa dengan semporna-nya oleh-nya kerana itu;

(b) orang yang dengan senghaja atau dengan tiada sebab yang menasabah engkar menyahut sebarang perintah, permintaan atau perintah bertulis yang sah yang di-keluarkan di-bawah syarat2 undang2 ini, atau engkar memberikan sebarang maklumat yang di-kehendaki oleh undang2 daripadanya oleh saorang yang di-berikuasa berbuat demikian di-bawah syarat2 Undang2 ini, ada-lah bersalah terhadap Undang2 ini.

(2) Tiap2 kesalahan yang tersebut pada che-raian (1) boleh di-hukum dengan denda tidak melebihi lima ratus ringgit dan dalam perkara kesalahan yang berterusan di-denda lagi sebanyak lima puluh ringgit bagi tiap2 satu hari selama kesalahan itu berterusan.

Dalam perkara kesalahan yang kedua atau kemudian-nya boleh di-hukum dengan denda tidak melebihi dua ribu ringgit dan dalam perkara kesalahan yang berterusan, di-denda lagi sebanyak dua ratus ringgit bagi tiap2 satu hari selama kesalahan itu berterusan.



## BAHAGIAN XII

## Sharat2 peralehan

Sharat2 per-  
alehan.

58. (1) Pendaftar boleh dengan notis dalam *Warta Kerajaan* menghendaki sebarang sharikat atau persatuan yang di-daftarkan di-bawah Undang2 Persatuan sebelum di-mulakan Undang2 ini dan yang ada-lah pada pendapat Pendaftar Sharikat2 Kerjasama, sabuah sharikat kerjasama menurut makna Bab 4 dari Undang2 ini meminta sharikat atau persatuan itu supaya menunjokkan sebab mengapa ia-nya tidak patut di-daftarkan di-bawah Undang2 ini dan menyatakan bahawa melainkan badan pentadbir bagi persatuan atau sharikat itu menyatakan kepada Pendaftar dengan bertulis dalam tempoh satu bulan dari tarikh kenyataan itu bahawa ia-nya tidak ingin bahawa sharat ini dikenakan terhadap sharikat atau persatuan itu, sharikat atau persatuan itu hendak-lah di-anggap sebagai di-daftarkan dan untok maksud Undang2 ini.

(2) Sebarang sharikat atau persatuan yang di-anggap sebagai di-daftarkan di-bawah Bab ini hendak-lah, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kenyataan di-bawah cheraian (1) atau tempoh yang lebeh lama saperti yang Pendaftar boleh membenarkan dalam sebarang perkara khas, mematohi perentah2 atau permintaan2 Pendaftar itu untok maksud mematohi sharat2 Undang2 ini.

Di-luluskan pada 4hb Januari, 1975.

JUDIN ASAR,  
*Juru Tulis,*  
*Majlis2 Mashuarat,*  
*Brunei.*